

UCAPAN NAIB CANSELOR SEMPENA
AKUAN DAN SUMPAH PEGAWAI

TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS PELANTIKAN DAN AKUAN SUMPAH PEGAWAI KEHORMAT DAN ANGGOTA SUKSIS UTeM

TEMPAT:

DEWAN UTeM 1,

KAMPUS INDUSTRI

TARIKH :

28 FEBRUARI 2007

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR SEMPENA
PELANTIKAN DAN AKUAN SUMPAH PEGAWAI
KEHORMAT DAN ANGGOTA SUKSIS UTeM PADA 28
FEBRUARI 2007 JAM 9.00 PAGI DI DEWAN UTeM 1,
KAMPUS INDUSTRI

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM
ASSALAMUALAIKUM WBT

YANG DIHORMATI
SAC 2 PUAN ZALEHA BTE ABDUL RAHMAN
TIMBALAN KETUA POLIS MELAKA
MEWAKILI YANG DIHORMATI SAC1 DATUK AYUB
BIN HAJI YAAKOB
KETUA POLIS MELAKA

YBHG PROF. DR ABU BIN ABDULLAH
TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN
ANTARABANGSA)

YBHG DATUK PROF. MADYA DR ABU BAKAR BIN
MOHAMAD DIAH
TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN
INOVASI)

Y.BHG. DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

YANG DIHORMATI
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN POLIS DIRAJA
MALAYSIA

YANG DIHORMATI PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
UNIVERSITI

YANG DIHORMATI

ANGGOTA-ANGGOTA KOR SUKARELAWAN POLIS
SISWA/SISWI (SUKSIS) UTeM

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

ALHAMDULILLAH BERSYUKUR KITA KE HADRAT
ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIANYA
MAKA KITA DAPAT BERKUMPUL PADA PAGI INI
BAGI MENYEMPURNAKAN MAJLIS PELANTIKAN
DAN AKUAN SUMPAH PEGAWAI KEHORMAT DAN
ANGGOTA KOR SUKSIS UTeM. SEMOGA MAJLIS
PADA PAGI INI MENDAPAT RAHMAT DARI ALLAH
SWT.

TERLEBIH DAHULU SAYA MERAKAMKAN JUTAAN
TERIMA KASIH KEPADA YANG DIHORMATI SAC 2
PUAN ZALEHA BTE ABDUL RAHMAN, TIMBALAN
KETUA POLIS MELAKA YANG MEWAKILI KETUA
POLIS MELAKA KERANA SUDI HADIR PADA MAJLIS
YANG SANGAT BERMAKNA KEPADA UTeM INI.
SESUNGGUHNYA MAJLIS YANG DIADAKAN BUAT
JULUNG KALINYAINI MERUPAKAN DETIK
BERSEJARAH UNTUK SELURUH WARGA KAMPUS
KERANA IA ADALAH BADAN BERUNIFORM YANG
PERTAMA DIWUJUDKAN DI UNIVERSITI INI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

KOR SUKSIS ADALAH SINGKATAN KEPADA KOR
SUKARELAWAN POLIS SISWA/SISWI DAN
PENUBUHANNYA INI ADALAH CETUSAN IDEA
DARIPADA YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA,
DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
KETIKA MERASMIKAN EKSPO KONVOKESYEN

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA KE 12 PADA 05 OGOS 1999.

DI PERINGKAT UTeM, PENUBUHANNYA DIMULAKAN BERSEMPENA MINGGU HALUAN SISWA PADA JULAI 2006 DI MANA BORANG PERMOHONAN BAGI MENGANGGOTAI KOR SUKSIS DIEDARKAN KEPADA PELAJAR BARU BAGI MENERIMA KEMASUKAN SULUNG KOR SUKSIS UTeM INI.

SEBANYAK LEBIH DARIPADA 200 PERMOHONAN TELAH DITERIMA BAGI MENGANGGOTAI KOR SUKSIS DARIPADA PELAJAR YANG BERMINAT. WALAUBAGAIMANAPUN SELEPAS BEBERAPA SARINGAN PEMILIHAN YANG KETAT BAGI MEMILIH YANG TERBAIK TERMASUKLAH UJIAN KECERGASAN DAN TEMUDUGA YANG DIJALANKAN, MAKA SERAMAI 48 ORANG PELAJAR TELAH DITERIMA SEBAGAI KUMPULAN PERTAMA

MENGANGGOTAI KOR SUKSIS UTeM PADA 31 JULAI 2006.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

PENUBUHAN KOR SUKSIS UTeM MENANDAKAN SATU LAGI LANGKAH KE HADAPAN YANG TELAH DIAMBIL OLEH PIHAK UNIVERSITI BAGI MENINGKATKAN KESEDARAN DAN TANGGUNGJAWAB MAHASISWA KEPADA NEGARA DAN MASYARAKAT.

PENGLIBATAN MAHASISWA-MAHASISWI DALAM KOR SUKSISINI PASTI DAPAT MEMBENTUK KEPERIBADIAN DAN SAHSIAH DIRI YANG MURNI KEPADA MEREKA. MEREKA JUGA AKAN MENJADI CONTOH KEPADA WARGA UNIVERSITI LAIN DARI SUDUT KEPATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG

SERTA TAUЛАДАН TERHADAP TAHAP DISIPLIN YANG TINGGI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SELAIN DARIPADA ITU ILMU DALAM BIDANG KEPOLISAN YANG DIPEROLEHI SEMASA MENYERTAI KOR SUKSIS MENJADIKAN MEREKA SEBAHAGIAN DARIPADA INDIVIDU YANG DAPAT MEWUJUDKAN CONTOH KESEDARAN SIVIK KEPADA MASYARAKAT DI SAMPING MEMELIHARA HUBUNGAN BAIK DENGAN PIHAK POLIS.

SAYA YAKIN PENUBUHAN KOR SUKSIS UTeMINI TIDAK SAHAJA DAPAT MEMBANTU PIHAK POLIS DALAM MENJAGA KEAMANAN NEGARA TETAPI JUGA DAPAT MEMBANTU KESELAMATAN UNIVERSITI. PENGALAMAN YANG DIPEROLEHI DAPAT DIPRAKTIKKAN DI UNIVERSITIINI UNTUK MEMBANTU MENANGANI JENayah-JENayah YANG MUNGKIN BERLAKU DI SINI.

PENDEDAHAN DAN PENGALAMAN YANG DIPEROLEHIINI JUGA TENTU AKAN DAPAT MEMBENTUK MEREKA MENJADI PAKAR JURUTERA DAN IT YANG TIDAK SAHAJA PROFESIONAL DALAM BIDANGNYA SELEPAS TAMAT PENGAJIAN DI SINI TETAPI JUGA MENJADIKAN MEREKA WARGANEGARA YANG LEBIH BERTANGGUNGJAWAB DAN PEKA TERHADAP KEAMANAN NEGARA.

INI KERANA SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI YANG TERBUKA DAN BERURUSAN DENGAN ORANG RAMAI SERTA WARGA KAMPUSNYA YANG TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KAUM DAN AGAMA, KITA TIDAK DAPAT MENGELOAKKAN DIRI DARIPADA BERLAKUNYA KEMUNGKINAN ANCAMAN SAMA ADA DALAM BENTUK FIZIKAL MAUPUN PSIKOLOGI SEPERTI PROPAGANDA, ISU KEAGAMAAN, ISU PERKAUMAN DAN SEBAGAINYA.

OLEH ITU ANGGOTA-ANGGOTA KOR SUKSISINI AKAN MENJADI MATA DAN TELINGA KEPADA KITA BAGI MENGELAKKAN HAL INI BERLAKU DI DALAM UNIVERSITI. KEMAHIRAN YANG ADA PADA MEREKA PERLU DIMANFAATKAN DEMI KESEJAHTERAAN DAN KELANGSUNGAN UNIVERSITI.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SAYA BERHARAP SUPAYA ANGGOTA-ANGGOTA KOR SUKSIS YANG TELAH DITAUULIAHKANINI NANTI AKAN TERUS BERKHIDMAT SEBAGAI SUKARELAWAN POLIS ATAU MENJADIKAN PROFESION POLISINI SEBAGAI KERJAYA MEREKA.

SESUNGGUHNYA PROFESION POLIS HARIINI ADALAH SATU TUGAS YANG MURNI DAN SEMAKIN MEN CABAR SEJAJAR DENGAN PERKEMBANGAN DUNIA PADA MASA KINI. JENAYAH YANG BERLAKU

HARIINI SEMAKIN KOMPLEKS SERTA RUMIT KERANA IA MELIBATKAN KEPAKARAN DALAM SAINS DAN TEKNOLOGI. OLEH ITU IA MEMERLUKAN AHLI-AHLI PROFESIONAL SEPERTI TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN UNTUK MENYERTAINYA.

PIHAK UNIVERSITI DENGAN ITU AKAN TERUS KOMITED UNTUK MENAMBAH BILANGAN KEANGGOTAAN MAHASISWA DALAM KOR SUKSIS UTeM PADA MASA HADAPAN UNTUK MEMBANTU NEGARA MENANGANI JENAYAH YANG MUNGKIN BERLAKU DEMI MENJAGA KEAMANAN DAN KESEJAHTERAAN NEGARA.

HARAPAN SAYA SEMOGA 42 ANGGOTA PELATIH KOR SUKSIS UTeM HARIINI YANG TERDIRI DARIPADA 22 ORANG LELAKI DAN 20 PEREMPUAN DAPAT MENERUSKAN LATIHAN DENGAN JAYANYA DAN MENERIMA PENTAULIAHAN MEREKA NANTI.

AKHIR KATA SAYA SEKALI LAGI MENGUCAPKAN
BERBANYAK TERIMA KASIH KEPADA SELURUH
WARGA POLIS DIRAJA MALAYSIA TERUTAMANYA
KEPADA YANG DI HORMATI SAC 2 PUAN ZALEHA
BTE ABDUL RAHMAN YANG MEWAKILI KETUA
POLIS MELAKA KERANA MEMBERI KEPERCAYAAN
KEPADA UNIVERSITI TEKNIKAL MAALYSIA
MELAKA MENGADAKAN KOR SUKSIS DI SINI.

DI ATAS KEPERCAYAAN YANG DIBERIKAN, KAMI
BERJANJI AKAN MENJADIKAN KOR SUKSIS UTeM
SEBAGAI KOR SUKSIS YANG TERBAIK SERTA
CEMERLANG DI KALANGAN IPTA DAN IPTS YANG
BERADA DI MALAYSIA, INSYAALLAH.

SEKIAN TERIMA KASIH.